

06/11/2003

Menteri lupa amalan Tun Dr Mahathir

Daud Awang

SEJAK kebelakangan ini, semakin ramai menteri dan timbalan menteri 'turun padang' melawat negeri termasuk Melaka. Adakah ini ada kaitan dengan pilihan raya umum atau memang mereka dijemput menghadiri majlis yang dianjurkan di negeri berkenaan.

Apa pun, kisah yang berlaku sebelum Ramadan di Masjid Tanah, Melaka, baru-baru ini wajar dijadikan iktibar kerana menteri yang dijemput sepatutnya tiba pada jam 12.30 tengah hari, tetapi muncul hampir jam 3 petang.

Kelewatan ini bukan saja meresahkan pihak penganjur, malah media dan orang ramai terutama kanak-kanak yang sejak awal lagi menunggu kedatangan menteri terbabit.

Bayangkan makanan dan minuman yang dihidang sejak jam 11 pagi tidak boleh dijamah kerana terpaksa menunggu ketibaan menteri berkenaan.

Warga emas dan anak yatim yang terbabit secara langsung dalam program itu terpaksa berlapar, semata-mata ingin menunggu kedatangan menteri yang sepatutnya tiba pada masa ditetapkan.

Jika tempoh menunggu kira-kira 30 minit itu mungkin perkara biasa, tetapi jika melampaui lebih dua jam ia boleh dianggap keterlaluan kerana semua urusan lain boleh tergendala.

Apa salahnya jika pegawai pengiring atau menteri berkenaan menghubungi pihak penganjur melalui telefon bimbit atau menghantar pesanan ringkas (SMS) supaya majlis dimulakan tanpa menunggu ketibaannya jika gagal tiba pada waktu ditetapkan.

Tidak ada salahnya jika warga emas atau anak yatim itu diberi makan terlebih dulu, sementara menunggu kedatangan menteri kerana hidangan untuk menteri memang sudah dikhaskan.

Majlis itu tidaklah hebat sangat iaitu sekadar menyampaikan sumbangan dan menghadiri jamuan bersama warga emas dan anak yatim.

Lebih melucukan lagi, ketika berucap menteri berkenaan turut mengingatkan rakyat supaya melihat kembali dan meneruskan dasar serta disiplin yang diperkenalkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Antaranya, termasuk disiplin mengenai masa termasuk penggunaan kad perakam waktu di kalangan kakitangan kerajaan termasuk menteri.

Katanya, semua konsep yang diperkenalkan harus dihayati dan sekali gus boleh mewujudkan daya saing dalam diri setiap individu yang seterusnya membawa kejayaan kepada mereka.

Mendengar ucapannya, ternyata ia ibarat 'cakap tak serupa bikin' kerana jika dilihat cara Dr Mahathir bekerja, beliau cukup sistematik dan orang yang paling menghargai masa.

Jika lawatannya diatur ke sesuatu tempat, beliau akan sampai tepat pada waktunya walaupun terpaksa menghadiri urusan lain, sebaliknya lain pula halnya dengan menteri berkenaan.

Sebagai seorang doktor, Dr Mahathir menggunakan pendekatan doktor untuk menangani permasalahan rakyat dan negara. Bagi seorang doktor, sebelum sesuatu pembedahan dilakukan, kebersihan mestilah dipastikan terlebih dulu.

Sebelum pemikiran dan sikap rakyat dibedah, rakyat mestilah dilatih supaya mengutamakan kebersihan iaitu asas disiplin termasuk menghargai masa.

Semua orang tahu era pemerintahan Dr Mahathir adalah era mengubah sikap

dan meniup semangat. Mencairkan kebekuan fikiran dan memulihkan semangat yang lemah, iaitu dua kesan peninggalan penjajah yang belum sepenuhnya diatasi.

Era Perdana Menteri baru, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi adalah `bekerja bersama saya, bukan bekerja untuk saya, bagi meneruskan kesinambungan pembangunan negara yang diwarisi daripada kepemimpinan sebelum ini sudah tentu memerlukan komitmen semua pihak termasuk menteri untuk merealisasikan.

Peristiwa di Masjid Tanah itu sepatutnya dijadikan pengajaran dan tidak berulang pada masa depan. Sebagai pemimpin sama ada pada peringkat pusat atau negeri, mereka sewajarnya menunjukkan ciri-ciri kepemimpinan terpuji dan tahu menepati masa.

Kata-kata Abdullah ketika membentangkan usul terima kasih kepada Dr Mahathir di Dewan Rakyat Isnin lalu wajar dijadikan iktibar dan pedoman iaitu "Saya amat insaf betapa tanggungjawab ini menuntut saya melaksanakan secara amanah - secara jujur, secara cekap, secara adil. Saya lebih sedar betapa tanggungjawab ini akan dinilai oleh rakyat keseluruhannya dan lebih daripada itu oleh Allah."

Jika kata-kata ini dihayati dan dilaksanakan serta berkat kepemimpinan Perdana Menteri baru, tidak ada sebab rakyat menolak Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang.